

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO. 7 HINGGA NO. 88)

20 MEI 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 6)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HENRY SUM AGONG [LAWAS]

TARIKH : 20.5.2015

SOALAN :

Dato' Henry Sum Agong [Lawas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mendirikan sebuah sekolah untuk orang kurang upaya (OKU) di daerah Lawas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pembinaan Sekolah Pendidikan Khas adalah berdasarkan keperluan, permintaan sesuatu kawasan dan kemampuan kewangan semasa kerajaan. Walaupun KPM belum bercadang untuk membina Sekolah Pendidikan Khas di daerah Lawas, Pendidikan Khas boleh dilaksanakan melalui tiga jenis program, iaitu;

- i. Sekolah Khas,
- ii. Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Atau
- iii. Pendidikan Inklusif (PPI).

Bagi memenuhi keperluan murid khas di kawasan setempat, KPM menyediakan kelas-kelas untuk murid pendidikan khas di sekolah-sekolah arus perdana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini di seluruh Negeri Sarawak terdapat 4 buah sekolah pendidikan khas, 156 buah sekolah yang melaksanakan PPKI dan 353 buah sekolah yang melaksanakan PPI. Bagi daerah Lawas sahaja, kini terdapat 2 buah sekolah yang melaksanakan PPKI iaitu SK Pusat Lawas dan SMK Lawas manakala di Limbang terdapat 2 buah sekolah yang melaksanakan PPKI iaitu SK Melayu Pusat dan SMK Kubong.

RJM13